

## **HASIL MSM MELONJAK KEPADA RM 510.84 JUTA BAGI S1 2020, PROGRESIF KE ARAH PEMULIHAN**

**KUALA LUMPUR, MEI 27, 2020** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) merekodkan keseluruhan hasil sebanyak RM510.84 juta bagi suku pertama (S1) 2020, peningkatan sebanyak 5% berbanding RM485.44 juta pada suku yang sama tahun lepas. Ini adalah sejajar dengan peningkatan dalam purata harga jualan (ASP) dan jumlah jualan sepanjang tempoh tersebut. Purata harga jualan meningkat sebanyak 8% dan 1% bagi segmen borong dan eksport susulan pengukuhan harga jualan sejak Oktober 2019. Pada masa yang sama, jumlah jualan keseluruhan meningkat sebanyak 5% berikutan produk-produk baru yang dieksport pada 2H 2019 seperti gula pra-campuran dan gula cecair. Penghantaran sirap gula pada Februari 2020 turut menyumbang kepada peningkatan jumlah jualan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato' Khairil Anuar Aziz berkata, "Peningkatan dalam hasil tersebut adalah selaras dengan strategi pertumbuhan mampan Kumpulan yang melibatkan kepelbagaian produk bagi menembusi pasaran-pasaran eksport serta pertukaran strategi yang menasaskan peningkatan margin dengan menaikkan purata harga jualan gula bertapis."

Di sebalik peningkatan dalam hasil, terdapat beberapa faktor lain turut menyumbang kepada kerugian bersih (kerugian selepas cukai atau LAT) sebanyak RM34.70 juta bagi suku yang ditinjau, berbanding LAT sebanyak RM7.06 juta pada S1 2019. Sebahagian besar daripada kerugian adalah disebabkan kos kewangan yang tinggi sebanyak RM7.54 juta serta susut nilai sebanyak RM8.6 juta susulan daripada pengkomersialan MSM Sugar Refinery Sdn Bhd (MSM Johor) pada April 2019. Kos-kos tersebut telah dimodalkan pada S1 2019 memandangkan kilang baru masih dalam peringkat ujian dan permulaan. Di samping itu, terdapat juga peruntukan sebanyak RM7.48 juta bagi peningkatan kos operasi di MSM Johor berikutan kadar penggunaan yang rendah serta peruntukan sekali bayar (one-off) sebanyak RM5.38 juta untuk pelaksanaan rasionalisasi operasi.

Walaupun Ringgit melemah, MSM merekodkan kos purata gula mentah yang lebih rendah sebanyak 8.5% berbanding suku yang sama tahun lepas susulan harga purata NY#11 yang rendah dan pengurangan sebanyak 30% dalam jumlah gula mentah yang dibeli sejajar dengan pelaksanaan mekanisme "Tepat Pada Masa" pada Januari 2020 bagi mengoptimumkan bekalan gula mentah. Khairil Anuar menambah: "Kami turut memperkenalkan mekanisme



“Tepat Pada Masa” bagi perolehan gula mentah untuk memperkasakan aliran tunai Kumpulan dan mengurangkan kos-kos penyimpanan memandangkan kontrak pembelian pada harga yang tinggi sebelum ini telah tamat tempoh pada Disember 2019.”

Untuk bahagian operasi, MSM telah mengeluarkan sebanyak 234,037 tan gula bertapis pada S1 2020, 7% lebih tinggi berbanding 217,880 tan pada suku yang sama tahun lepas. Walaubagaimanapun, kos penapisan untuk tempoh yang sama pula meningkat sebanyak 20% akibat daripada peningkatan kapasiti Kumpulan, susut nilai yang tinggi di MSM Johor serta kenaikan tarif gas semenjak Januari 2020.

Melangkah ke hadapan, MSM menjangkakan pengurangan permintaan susulan daripada impak COVID-19 khususnya dalam pasaran domestik, akan tetapi, impak tersebut dapat dikurangkan dengan peningkatan eksport terutamanya bagi produk-produk yang baru dilancarkan.

“MSM kekal berdaya tahan dalam menghadapi impak ketidakpastian ekonomi pada setengah tahun pertama 2020 yang terjejas akibat penularan COVID-19. Kilang-kilang penapisan kami beroperasi pada kapasiti normal walaupun berlaku pengurangan dalam permintaan gula domestik susulan penutupan sementara premis-premis perniagaan, terutamanya dalam sektor hospitaliti serta makanan dan minuman. Pengurangan dalam permintaan tersebut dapat dibendung dengan peningkatan permintaan eksport. MSM telah mengeksport lebih daripada 9,000 tan gula bertapis dan gula cecair dengan jangkaan pulangan sebanyak RM18.95 juta setakat April 2020,” jelas Khairil.

Pada masa hadapan, jualan domestik disasarkan akan pulih selari dengan pelepasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat dan jangkaan peningkatan dalam permintaan sepanjang musim perayaan. Walaubagaimanapun, MSM akan kekal waspada dengan situasi semasa yang berkait rapat dengan ketidakpastian matawang akibat daripada kekangan COVID-19, persekitaran ekonomi global dan hubungan diplomatik di antara Amerika Syarikat dan China.

MSM turut mengumumkan pelan rasionalisasi bagi memindahkan operasi penapisan Kumpulan di MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) ke kilang penapisan baru di MSM Johor, yang terletak di Tanjung Langsat, Johor. Pelaksanaan pelan yang telah diumumkan kepada semua petugas pada beberapa bulan lepas, melibatkan pertukaran tenaga kerja dan sumber ke MSM Johor, bagi meningkatkan kadar penggunaan. Para petugas dari Perlis yang berkecuali turut ditawarkan peluang untuk ditukarkan ke fasiliti-fasiliti Kumpulan di Prai, Pulau Pinang dan Sungai Buloh di Selangor.



“Sebagai pengeluar gula terbesar di Malaysia, adalah amat kritikal, terutamanya dalam tempoh seperti ini, untuk memastikan pengeluaran dan pembekalan gula yang mencukupi bagi memastikan keperluan rakyat dan penggunaan domestik dapat dipenuhi. Sehubungan itu, pertukaran operasi daripada Perlis ke Johor amat penting bagi mengelakkan gangguan bekalan,” kata Khairil Anuar. “Oleh yang demikian, kami ingin turut menjaga kepentingan para petugas kami di Perlis. Pelan pengaturan semula petugas tersebut akan membolehkan semua petugas di Perlis dapat terus bekerja bersama MSM, sekiranya mereka bersetuju untuk ditukarkan.”

MSM Perlis mempunyai kos fasiliti yang tinggi berikutan lokasinya yang jauh sekitar 130 km daripada pelabuhan terdekat serta kapasiti pengeluaran yang rendah. Dua kilang penapisan lain MSM di Johor dan Prai pula terletak berdekatan Pelabuhan Tanjung Langsat dan Pelabuhan Pulau Pinang, serta dapat berhubung dengan pusat pasaran Malaysia dengan efisien.

Selaras dengan pelan rasionalisasi tersebut, MSM telah bekerjasama dengan syarikat induknya, FGV Holdings Berhad bagi membangunkan kawasan pembangunan pertanian baru pada aset milik MSM di Chuping, Perlis yang dikenali sebagai Lembah Makanan Agro FGV. Pembangunan baru ini akan menawarkan lebih daripada 300 peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan di samping menyediakan prospek perniagaan untuk petani dan beliatani tempatan terutamanya dalam kalangan Kumpulan B40 melalui kontrak pertanian serta untuk industri sokongan seperti logistik dan pembekalan.

Setelah pelaksanaan rasionalisasi ini selesai, MSM akan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengimbangi kapasiti pengeluaran dan kos.

**-TAMAT-**



### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui tiga anak syarikatnya, MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2019, MSM mengeluarkan sebanyak 1,073,888 tan gula bertapis, di mana 83,341 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 61% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 618.6 milion setakat 31 Disember 2019). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya

### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 137  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)